

COVID-19: MENOLAK TAKDIR BOLEH MEMBAWA KEADAAN ATEISME



Pada 26 Julai 2021, mangsa Pandemik Covid-19 di Malaysia telah melepasi angka 1 juta orang. Ini menunjukkan pandemik ini telah melibatkan jumlah mangsa yang ramai dan telah meragut korban kematian yang besar. Hampir setiap hari kedengaran berita kematian dan maklumat melibatkan mereka yang positif Covid-19 dilaporkan menerusi media sosial dan WhatsApp dalam kalangan ahli keluarga dan sahabat tempatan kenalan kita. Ujia dahulu berita tentang kematian merupakan berita yang jarang kita dengari tetapi kini ia tidak lagi mengejutkan kerana sudah menjadi berita yang terbiasa kita mendengarnya. Mungkin pembaca artikel ini juga merupakan salah seorang yang positif Covid-19.

Kesudahan dan kesediaan akibat Covid-19

Tiada siapa yang tidak sedih apabila berlaku kematian, apatah lagi sekiranya ia berkaitan dan melibatkan dalam kalangan ahli keluarga yang terdekat. Ada yang menyedihkan lagi ialah kematian yang disebabkan Covid-19 meninggalkan anak-anak yang masih kecil dan menjadi yatim piatu. Dalam tempoh ini, mereka kehilangan orang yang tersayang sebagai tempat bergantung hidup dan memperoleh kasih sayang. Tiada lagi terpulang siapa mereka, malahan terpaksa meneruskan kehidupan dalam norma baharu yang penuh dengan cabaran. Ini tidak masuk lagi kes-kes kematian yang sangat banyak di hospital yang bukan sekadar tidak dapat disaksikan oleh anak-anak dan ahli keluarga, tetapi pengurusan jenazah dan pengebumiannya pun dihadkan jumlah kehadiran.

Selain itu, pandemik Covid-19 telah menyebabkan kesudahan semakin meluas dan jumlah kemiskinan semakin banyak. Terdapat banyak kes orang kaya menjadi miskin segera kerana diberhentikan kerja atau terpaksa menutup perniagaan yang tidak lagi boleh bertahan disebabkan Covid-19. Mereka yang sebelum ini hidup mewah tetapi kini terpaksa mengikat perut dan menanggung komitmen hutang yang banyak dengan bank. Ini tidak masuk lagi orang yang terpaksa disebabkan tidak boleh bebas keluar dan tidak dapat berjumpa dengan anak-anak dan ahli keluarga. Begitu juga dengan permasalahan rumah tangga yang semakin meningkat apabila tidak dapat membina persefahaman yang baik sedangkan terpaksa duduk dalam satu rumah.

Semua ini merupakan suatu ujian dari Allah untuk manusia. Ada yang menerima ujian ringan dan ada pula yang menerima ujian yang sangat berat seperti kerugian dalam perniagaan, diikuti pula dengan Covid-19 dan berkesudahan dalam kalangan keluarga yang terdekat. Walaupun ramai yang boleh menanggung

beratnya ujian yang datang bertimpa-timpa ini dengan hati yang penuh reda dan tenang dengan ujian yang datang dari Allah. Dalam pada itu, tidak kurang juga yang tertekan, keresahan, kemurungan dan menyalahkan takdir. Paling membimbangkan sekali apabila ada yang mengambil keputusan sehingga sanggup membunuh diri.

Kesudahan dan kesediaan manusia memperlakukan Tuhan


Kesudahan dan ujian berat yang menimpa manusia ini kadangkala menimbulkan rasa tidak puas hati dalam diri dan memperlakukan keadilan Tuhan. Perasaan tidak puas hati datang menyelinap dalam hati apabila melihat orang lain yang dirasakan mempunyai nasib yang lebih baik darinya. Dia memperlakukan kenapa dia dipilih terkena dengan Covid-19 dan kematian pula melibatkan ahli keluarganya. Kenapa Tuhan tidak datang membantu sedangkan dia bukanlah orang jahat, malahan dia juga melakukan solat. Sepatutnya Tuhan menolong mereka keluar daripada kesudahan, bukan membiarkan mereka terkulat-kulat dalam kesulitan. "Apa salah aku".

Keimanan dan keyakinan yang utuh kepada Allah selama ini boleh tergetuk dan cair apabila tidak mampu bertahan dengan ujian yang berat ini. Allah telah menyebutkan dengan maksud

"Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdanya olehnya"

(Surah al-Baqarah: 286)

Ini bererti bahawa ujian itu adalah pilihan Allah ke atas hamba-Nya yang mampu untuk dia menghadapi ujian tersebut. Ya, memang berat, tetapi apakan daya kerana ujian itu datang dari Allah. "Siapa mahu untuk mendapat sakit, siapa mahu untuk rugi dalam perniagaan dan siapa pula mahu untuk mendapat kemalangan". Namun, mungkin disebabkan ujian yang berat itu, terdetik dalam hati dan sanubari sesetengah orang, "kenapa aku yang dipilih mendapat nasib yang tidak baik ini." "Kenapa aku, kenapa bukan orang lain?."



Sebahagian Ateis menghidap masalah psikologi

Salah satu punca kepada menjadi ateis ialah tekanan psikologi yang dihadapi dalam kehidupan seseorang dan musibah yang teruk sehingga merasakan Tuhan tidak datang membantunya. Dia kecewa dengan Allah yang dirasakan tidak berlaku adil kepadanya. Kenapa dia ditimpa musibah sedangkan orang lain bernasib baik. Kenapa dia yang kena, sedangkan orang lain tidak kena? Apa kerangnya dia dan apa lebihnya orang lain?.

Apakah kesalahan yang dia lakukan sehingga ditimpa musibah sedangkan dia bukanlah pelaku maksiat yang tegar. Fikirannya jauh melayang sehingga bertanya dengan bisikan syaitan untuk meragui Tuhan dan akhirnya mereka terpedaya Tuhan. Psikologi mereka tertekan sehingga tidak dapat menerima kepada segala ketentuan dari Allah.

Oleh kerana itu, sebahagian atei tidak mahu mengubah pendirian mereka bukan disebabkan kecurangan bukti tentang kewujudan Tuhan tetapi disebabkan mempunyai tekanan psikologi yang kuat sehingga menolak kewujudan Tuhan for whatever reason. Ini bermakna, sejarah hitam yang berlaku dalam hidup menyebabkan mereka bukan sekadar tidak dapat menerima ketentuan Tuhan, sebaliknya membeni Tuhan dan tidak menerima kewujudan Tuhan.

Pada asasnya, geng ateis sering mendakwa kecurangan bukti "lack of evidence" untuk menolak kewujudan Tuhan. Sebenarnya, kecurangan bukti yang mereka maksudkan itu ialah tiada bukti secara penglihatan kerana segala bukti saintifik dan logik telah disampaikan kepada mereka melainkan satu perkara sahaja iaitu melihat Tuhan.

Kepada mana-mana atei yang masih ada keraguan, sampaikan bukti berkenaan dengan bijaksana tetapi sekiranya masih berkeras tidak menerima sebarang bukti, kita serahkan kepada Allah untuk mengurniakkannya taufiq dan hidayah.

Beriman kepada Qada' dan Qadar kemudian daripada kekecewaan

Islam mengajjar beriman kepada Qada' dan Qadar lalu mempercayai ketentuan Tuhan yang memang di luar kemampuan manusia. Apabila terfalu memikirkan tentang sebab kepada berlakunya sesuatu

musibah, ia boleh membawa kepada kekecewaan dalam kehidupan kerana menolak konsep takdir, sedangkan ia merupakan salah satu daripada rukun iman. Akhirnya ia akan membawa kepada ketidakpercayaan terhadap Allah atau dikenali sebagai ateisme. Paling tidak, ia membawa kepada keraguan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah yang dihidup sebagai agnostik.

Sesatu musibah yang berlaku merupakan ujian yang menimpa manusia untuk melihat tahap kesabaran mereka. Ia perlu diterima dengan hati yang penuh teraka kerana setiap sesuatu itu penuh dengan hikmah yang tidak diketahui. Mungkin selepas beberapa ketika atau selepas beberapa tahun atau selepas kematian kita atau di akhirat nanti, baru kita tahu hikmah berkenaan.

Oleh itu, ia menuntut kesabaran daripada manusia dan memerinjamnya dengan yang pasrah kepada Allah. Ia bukan semestinya disebabkan dosa manusia, tetapi Allah hendaklah menguji mereka kepada setiap individu dengan hikmah tertentu. Atas dasar inilah kita cuba menelan perjalanan musibah berkenaan dengan penuh keimanan kepada qada' qadar Allah yang menentukan segalanya.

Kelebihan dan kecurangan perlu diterima

Memang Allah menjadikan manusia tidak sama antara satu sama lain. Ada yang diberikan kelebihan tertentu dan ada yang diberikan kecurangan. Ada yang mati seawal 6 bulan, ada yang panjang umur sehingga 60 tahun, malahan dipanjangkan umurnya sehingga 90 tahun. Jika manusia boleh menentukan takdir untuk dirinya sendiri, nescaya tiada yang miskin, tiada yang sakit dan tiada yang mati awal. Ia bukan urusan manusia tetapi urusan Allah.

Manusia ada diberikan hak untuk membuat pilihan dalam hidupnya seperti memilih untuk makan dan minum, untuk solat dan zakat. Namun sebahagian lagi urusan hidupnya ditentukan oleh Allah seperti memilih lelaki atau perempuan, menjadi miskin atau kaya. Kegagalan memahami realiti ini akan membawa manusia meragui Tuhan dan terpengaruh dengan ateisme.

Bagi mengelak dari manusia merontok tentang nasib diri, Allah memelakkan rukun iman yang keenam iaitu beriman kepada Qada' dan Qadar untuk menanganai persepsi manusia terhadap kehidupannya. Ia bukan perkara sampingan tetapi salah satu rukun iman sebaris dengan beriman kepada Allah dan malaikat. Mudah-mudahan segala ujian yang datang itu merupakan asbab untuk mendekatkan diri kepada Allah dan meyakini segala janji-Nya.